

Bajet 2016 tumpu isu GST, nilai ringgit, subsidi

» *Kenaikan harga barang, kadar inflasi bakal diberi perhatian*

Oleh Suffian A Bakar

Bajet 2016 yang akan dibentangkan di Parlimen 23 Oktober depan dijangka memberi perhatian kepada beberapa isu penting, antaranya kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kejatuhan nilai ringgit dan semakan semula ke atas subsidi kerajaan.

Profesor Bersekutu Sekolah Perniagaan Taylor's University, Dr Subramaniam Pillay, berkata hampir setahun, pelaksanaan GST adalah lebih lancar daripada jangkaan umum.

Bagaimanapun katanya, ramai yang berpendapat pelaksanaan GST mencetuskan kadar inflasi lebih tinggi daripada jangkaan berikutan kenaikan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya.

"Sehubungan itu saya menjangka kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada ketidakpuasan hati berhubung pelaksanaan GST pada pembentangan Bajet 2016 nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada forum cukai pra Bajet 2016 di Subang Jaya, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Deloitte Tax Services Sdn Bhd, Yee Wing Pong.

Subramaniam berkata, subsidi kerajaan adalah antara aspek yang dijangka turut diberi perhatian pada pembentangan bajet itu nanti.

Beliau berkata, pihaknya merasakan subsidi bahan api bukanlah cara berkesan dalam

membantu golongan berpendapatan rendah di negara ini, sebaliknya ia membantu golongan kaya, manakala Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pula hanya akan mewujudkan pengantungan kepada kerajaan.

Berhubung tukaran wang asing, beliau berkata kejatuhan nilai ringgit disumbang pelbagai faktor.

Pertama, ia disebabkan kejatuhan harga komoditi. Ini dapat dilihat di negara lain yang bergantung kepada eksport komoditi, yang turut mengamali kejatuhan nilai mata wang negara mereka.

Faktor lain katanya, ialah ketidakpastian politik negara.

"Saya percaya nilai wajar ringgit ialah antara RM3.60 dan RM3.80 selepas mengambil kira faktor seperti kejatuhan harga komoditi. Sekiranya kita dapat menyingkirkan masalah itu, maka ringgit akan kembali kepada jajaran nilai itu," katanya.

Kenaikan harga

Sementara itu, Wing Pong berpendapat kenaikan harga yang lebih tinggi daripada sepatutnya, selepas GST dilaksanakan disumbang pelbagai faktor utama, seperti peniaga yang mengambil kesempatan mengaut untung berlipat ganda,

penyusutan nilai ringgit menyebabkan kos import lebih mahal dan peningkatan kos menjalankan perniagaan secara keselu-

ruhannya.

Beliau berpendapat kadar GST tidak boleh dikurangkan berikutan negara bermula pada kadar rendah iaitu sebanyak enam peratus berbanding United Kingdom yang sudah mencecah 20 peratus ketika ini.

Bagi memuaskan hati rakyat, beliau mencadangkan cukai pendapatan korporat dan individu dikurangkan bagi mengimbangnya.

Bagaimanapun, Subramaniam tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Pasaran tidak kompetitif

Beliau berkata, struktur pasaran yang tidak kompetitif adalah sebab utama.

"Dalam bidang yang mana terdapat persaingan, kita dapati harga tidak pula naik begitu tinggi," katanya.

Beliau berkata, mengurangkan kadar cukai pendapatan ke atas korporat dan individu tidak memberi manfaat kepada majoriti rakyat negara ini yang terdiri daripada golongan pertengahan rendah.

Sebaliknya, Subramaniam meminta dipertimbangkan dikenakan kumpulan pendapatan ke atas cukai pendapatan peribadi.

"Bagi cukai pendapatan individu, kadarnya harus lebih rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan golongan pertengahan rendah," katanya.